

**MODUL PENGAJARAN KOMSAS**

Tingkatan	Lima
Masa	80 Minit
Tajuk	Kabus di Perbukitan
Genre	Novel

Fokus Utama	10.4	Menyatakan jenis, ciri, tema dan persoalan, pemikiran, nilai, dan pengajaran .
	Aras 2 (iii)	Memahami dan menghayati nilai dalam karya untuk dijadikan iktibar dalam kehidupan.
Fokus Sampingan	2.5	Memberikan penjelasan secara spontan tentang sesuatu perkara yang berkaitan dengan isu yang dikemukakan.
	Aras 3 (i)	Menjelaskan idea secara spontan dengan bahasa yang gramatis dan berkesan.

Objektif	<p>Pada akhir pelajaran, murid dapat:</p> <ol style="list-style-type: none">Menyenaraikan tiga pengajaran berserta contoh yang sesuai.Membuat ramalan tentang isu yang berlaku dalam novel.Memberi makna enam perkataan sukar.
Kemahiran Bahasa	Kemahiran bertutur dan mendengar Kemahiran membaca
Sistem Bahasa	Sebutan dan intonasi
Pengisian Kurikulum	<ol style="list-style-type: none">Ilmu: Agama, MoralNilai: Kasih sayang
Kemahiran Bernilai Tambah	Kemahiran Berfikir

**MODUL PENGAJARAN KOMSAS**

Langkah	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	Penilaian Formatif	KBT / Catatan
Set Induksi	<ul style="list-style-type: none">• Guru membacakan suatu situasi yang terdapat dalam Lampiran 1.• Murid menjawab beberapa soalan yang dikemukakan oleh guru berdasarkan cerita tersebut.• Guru mengaitkan isi cerita dengan topik pengajaran dan pembelajaran pada hari itu.		Lampiran 1 Kaitan cerita dengan topik pengajaran dan pembelajaran <ul style="list-style-type: none">• Kita perlu memahami budaya di sesuatu tempat• Kita perlu berhati-hati dalam mengambil sesuatu tindakan• Mengambil pengajaran dan iktibar daripada peristiwa tersebut.
1	Pengajaran <ul style="list-style-type: none">• Murid dibahagikan kepada tiga kumpulan.• Setiap kumpulan diberikan kad arahan. Kad Arahan tersebut mengandungi peristiwa yang berlaku di dalam novel . (Lampiran 1)• Ahli kumpulan diminta menyenaraikan dua pengajaran yang diperoleh daripada peristiwa tersebut.	<ul style="list-style-type: none">• Mencapai objektif i.	Lampiran 2/M (Kad Arahan)

**MODUL PENGAJARAN KOMSAS**

Langkah	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	Penilaian Formatif	KBT / Catatan	
	<ul style="list-style-type: none">Wakil kumpulan diminta membuat pembentangan hasil kerja kumpulan di hadapan kelas.Guru membuat penambahbaikan jawapan murid.			
2	Idea Secara Spontan <ul style="list-style-type: none">Dengan menggunakan kad arahan yang sama, setiap kumpulan diminta meramal punca masalah itu berlaku dan mencadangkan satu cara mengatasinya dengan menggunakan sebutan dan intonasi yang betul.Wakil kumpulan diminta membentangkan hasil perbincangan di hadapan kelas. (Lampiran 3)Murid-murid yang lain diminta memberikan sumbangsaran masing-masing untuk membuat penambahbaikan terhadap ramalan yang dibuat oleh kumpulan tersebut.	<ul style="list-style-type: none">Mencapai objektif ii.	Lampiran 2/M Kad Arahan Lampiran 3/M Lampiran 4/G	
3	Memberi maksud tiga frasa berdasarkan topik dalam novel <table border="1"><tr><td><ol style="list-style-type: none">Cuaca yang begitu dingin menggigitHilang tanpa jejakBersarang di dalam dada</td></tr></table>	<ol style="list-style-type: none">Cuaca yang begitu dingin menggigitHilang tanpa jejakBersarang di dalam dada	<ul style="list-style-type: none">Mencapai objektif iii.	Lampiran 5/M (LPG 1)
<ol style="list-style-type: none">Cuaca yang begitu dingin menggigitHilang tanpa jejakBersarang di dalam dada				

**MODUL PENGAJARAN KOMSAS**

Langkah	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	Penilaian Formatif	KBT / Catatan
	<ul style="list-style-type: none">• Guru menjelaskan kepada murid tentang tajuk bab dalam novel yang dikaji dalam bentuk frasa.• Setiap kumpulan diberi sekeping kad yang mengandungi frasa dari bab 1 – 3 novel .• Setiap kumpulan diminta menyatakan maksud setiap frasa dan seterusnya membina satu ayat daripada frasa tersebut dalam LPG yang disediakan. (Lampiran 3 - LPG 1)• Guru memberi komen dan membuat penambahbaikan jawapan murid.		Lampiran 6/G
Penilaian dan Peneguhan	<ul style="list-style-type: none">• Murid dibimbing oleh guru untuk menukarkan nilai kepada pengajaran.• Murid diberikan bahan edaran untuk latihan pengukuhan.• Guru membuat rumusan tentang isi pelajaran pada hari itu .		Lampiran 7/M (LPG 2) Lampiran 8/G



Bacakan situasi di bawah ini kepada murid;

Dua orang anggota polis sedang membuat sekatan jalan raya di sebuah kawasan penempatan orang asli. Sebuah motosikal lalu di hadapan anggota polis tersebut. Motosikal itu ditunggangi oleh 4 orang penumpang orang asli. Salah seorang anggota polis tersebut menahan motosikal itu untuk disaman, tetapi pemandunya tidak berhenti. Oleh sebab marah, polis tersebut mengejar motosikal itu, lalu memaksanya berhenti.

“Mengapa awak tidak berhenti tadi?” tanya anggota polis.

“Maaf tuan, motor saya sudah penuh, tak boleh tumpang lagi. Biar saya hantar anak-anak dan isteri balik dulu, nanti saya datang semula ambil tuan.” Jelas orang asli.

Soalan:

1. Apakah pendapat anda tentang penunggang motosikal itu?
2. Adakah anggota polis itu akan menyaman penunggang motosikal tersebut?
3. Berikan satu pengajaran daripada cerita di atas

❖ Kaitkan dengan topik P&P hari ini.



MODUL PENGAJARAN KOMSAS

Tingkatan 5

Lampiran 2/M
Kad Arah

Senaraikan **dua pengajaran** daripada peristiwa di bawah.

Hamidah dapat menerima keadaan suaminya seadanya. Mereka berkahwin atas dasar cinta. Dia tahu waktu itu, Kamarudin telah mempunyai keluarga, malah dia rela bersedu. Dia masih muda ketika itu, menjelang 21 tahun. Kamarudin seorang yang kacau, telah berumur dan amat mengambil berat. Ibu bapanya menghalang, tidak mahu anak gadis mereka menjadi perampas suami orang, tetapi dia mempunyai harapan yang tinggi. Mereka berkenalan sewaktu Kamarudin menjadi Pegawai Pemerintah di Pengkalan Hulu, Perak. Bapanya membuka kedai makan di Kampung Lalang, menjadi tempat anggota tentera menikmati laksa yang amat popular ketika itu. Bermula dengan bertukar-tukar senyum, perhubungan mereka semakin akrab sehingga terlanjur. Kamarudin dinasihatkan pegawai atasan supaya berkahwin demi menjaga nama baik dan hubungan dengan masyarakat. Hamidah rela menjadi isteri kedua, tidak pernah meminta Kamarudin menceraikan isteri pertama yang tidak pernah dikenali tetapi keadaan menjadikan mereka berpisah.



MODUL PENGAJARAN KOMSAS

Lampiran 3/M Meramal Dan Menyelesaikan Masalah

Buat andaian tentang punca yang menyebabkan perkahwinan antara Mejar Kamarudin dengan Salmah berakhir dengan perceraian

PUNCA

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

CADANGAN UNTUK MENGATASI

CARA 1

CARA 2

Lampiran 4/G
Meramal dan Menyelesaikan Masalah

Buat andaian tentang punca yang menyebabkan perkahwinan antara Mejar Kamarudin dengan Salmah berakhir dengan perceraian.

PUNCA

- Kamarudin menganggap Salmah tidak cantik lagi.
- Salmah tidak pandai berdandan

CADANGAN UNTUK MENGATASI**CARA 1**

- Kamarudin berbincang dengan Salmah tentang penampilannya

CARA 2

- Kamarudin membelikan baju-baju yang cantik dan alat solek untuk Salmah.



A	<u>Frasa</u>	<u>Maksud Frasa</u>
	1. Cuaca yang begitu dingin menggigit	
	2. Hilang tanpa jejak	
	3. Bersarang di dalam dada	

Bina satu ayat daripada setiap frasa di atas.

1. Cuaca yang begitu dingin menggigit

.....
.....

2. Hilang tanpa jejak

.....
.....

3. Bersarang di dalam dada

.....
.....

Lampiran 6/G
Lembaran Pengurusan Grafik 1
Jawapan

A	<u>Frasa</u>	<u>Maksud Frasa</u>
	1. Cuaca yang begitu dingin menggigit	Sangat sejuk
	2. Hilang tanpa jejak	Tidak dapat dikesan
	3. Bersarang di dalam dada	Menetap atau mengambil tempat di dalam rongga dada

B Bina satu ayat daripada setiap frasa di atas

1. Cuaca yang begitu dingin menggigit

Karim memakai baju yang tebal kerana cuaca di England yang begitu dingin menggigit kulitnya.

2. Hilang tanpa jejak

Pasukan polis hutan berusaha mengesan pencuri yang hilang tanpa jejak setelah mencuri di rumah orang kaya itu.

3. Bersarang di dalam dada

Penyakit batuk kering telah bersarang di dalam dada Pak Hamid sejak sepuluh tahun yang lalu.

**MODUL PENGAJARAN KOMSAS****Lampiran 7/M**

Tukarkan unsur nilai di bawah kepada unsur pengajaran. Anda perlu mengemukakan contoh yang sesuai.

NILAI	PENGAJARAN	CONTOH
Bertanggungjawab	Contoh : Kita hendaklah melaksanakan tanggungjawab tanpa syarat.	Contohnya, Hamidah menjaga Rahayu dengan penuh kasih sayang walaupun Rahayu ialah anak tirinya.
Kasih sayang		
Kerajinan		
Ketabahan		



MODUL PENGAJARAN KOMSAS

Tingkatan 5

Lampiran 8/G

Tukarkan unsur nilai di bawah kepada unsur pengajaran. Anda perlu mengemukakan contoh yang sesuai.

NILAI	PENGAJARAN	CONTOH
Bertanggungjawab	Contoh : Kita hendaklah melaksanakan tanggungjawab tanpa syarat.	Contohnya, Hamidah menjaga Rahayu dengan penuh kasih sayang walaupun Rahayu ialah anak tirinya.
Kasih sayang	Kita hendaklah menyayangi anak-anak dan ahli keluarga.	Contohnya, Salmah sangat menyayangi anak-anaknya, Rahayu dan Faridah.
Kerajinan	Kita hendaklah rajin berusaha mencari rezeki untuk menyara kehidupan keluarga kita.	Contohnya, Salmah rajin bekerja di sawah untuk mencari rezeki bagi menampung kehidupannya bersama-sama dengan anaknya, Faridah selepas bercerai dengan Meja Kamarudin
Ketabahan	Kita hendaklah tabah menghadapi apa-apa jua cubaan dalam hidup jika ingin berjaya.	Contohnya, Faridah tabah menghadapi kematian ibunya , diikuti dengana kematian suaminya suaminya. Dia tetap melanjutkan pelajaran ke luar negara dan membina hidup baharu di luar negara hingga berjaya.